**SIARAN MEDIA**

**Khamis, 17 April 2025**

# AMAN SETERRA SANCTUARY DILANCARKAN SEBAGAI SANCTUARY PERSARAAN ANTARABANGSA BERINSPIRASIKAN ISLAM PERTAMA DI DUNIA

**ALOR SETAR** – Dalam usaha menjadikan Malaysia sebagai destinasi utama persaraan bertaraf antarabangsa, Bina Darulaman Berhad (BDB) menerusi anak syarikat milik penuhnya, Aman Lagenda Sdn. Bhd. bersama Seterra Holdings Sdn. Bhd. dengan bangganya mengumumkan pembangunan Aman Seterra Sanctuary, ***Sanctuary*** **Persaraan Antarabangsa berinspirasikan Islam Pertama di dunia.**

Pengarah Eksekutif Kumpulan BDB, Raja Shahreen Raja Othman berkata, terletak di Kuala Temoyong, Langkawi, Kedah, projek berkenaan selari dengan perkembangan Ekonomi Perak iaitu sektor ekonomi baharu berskala global yang dijangka akan menghasilkan pendapatan melebihi **USD 9.1 trilion menjelang 2029**.

Menurut beliau, berdasarkan statistik Jabatan Perangkaan Malaysia, negara telah melepasi ambang "Masyarakat Menua" pada 2024 dan sekaligus mempercepat permintaan untuk perkhidmatan khusus bagi warga emas dan Aman Seterra Sanctuary bersedia menjadi model komuniti persaraan mampan di Asia Tenggara.

"Aman Seterra Sanctuary akan dibangunkan di kawasan seluas 12.42 ekar dan bakal menjadi Perkampungan Persaraan yang pertama seumpamanya di Malaysia memenuhi keperluan dari seluruh dunia dan dalam masa yang sama turut menyediakan perkhidmatan kepada pesara dan juga warga emas tempatan dengan mengintegrasikan konsep kediaman bebas, bantuan penjagaan, dan penjagaan jangka panjang.

"Terletak di lokasi yang cukup strategik, Aman Seterra Sanctuary ini akan memanfaatkan keindahan alam semula jadi setempat yang mampu menarik kedatangan pesara dari luar negara serta akan dibangunkan dengan reka bentuk bangunan berkonsepkan hijau dan mesra alam di mana ia akan mempunyai taman komuniti dan ruang luar yang menjanjikan gaya hidup mewah pada kadar yang mampu dimiliki," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Beliau berkata demikian selepas menghadiri Majlis Pertukaran Perjanjian Usahasama Merangkap Perjanjian Pemegang Saham Antara Aman Lagenda Sdn. Bhd. Dan Seterra Holdings Sdn. Bhd yang berlangsung di Menara BDB, Alor Setar, Kedah.

Turut hadir Pengerusi BDB, Sr Haji Che Had Dhali, Pengerusi Kumpulan Seterra Group of Companies, Tuan Haji M Yusof Ahamad dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Seterra Group of Companies, Rashidi Yahaya.

Untuk rekod, pembangunan Aman Seterra Sanctuary akan memiliki dan menyediakan fasiliti dan infrastruktur yang lengkap serta memenuhi kehendak dan keperluan yang diperlukan oleh para pesara dan warga emas.

Dengan fokus terhadap kesejahteraan menyeluruh, penduduk akan menikmati:

- Pusat Penjagaan Ambulatori Mini dan Klinik Memori untuk penjagaan dementia.
- Program pemulihan dan kesejahteraan khas serta sokongan rohani.
- Ruang sosial termasuk ruang kerja bersama, dapur komuniti, gimnasium, studio yoga, bengkel seni,
- Ruang hiburan dan rekreasi yang dilengkapi dengan perpustakaan, ruang komputer dan digital, ruang riadah dan mainan serta ruang Karaoke.
- Pilihan kediaman iaitu Apartments & Premium Suites (Studio, 2- bilik tidur, 3-bilik tidur).
- Townhouse dengan susun atur empat tingkat dan mempunyai elemen reka bentuk mesra warga emas.
- Ruang solat khusus (Musolla), kaunseling rohani, dan penjagaan etika yang sejajar dengan prinsip Agama Islam—terbuka kepada semua agama sambil mengekalkan sensitiviti budaya.

Tambah Raja Shahreen, selain mentransformasikan kehidupan persaraan, projek ini bakal menjadi pemangkin kepada pertumbuhan Negeri Kedah di mana ia akan menyediakan ratusan peluang baharu pekerjaan terutamanya dalam sektor kesihatan, hospitaliti, pembinaan dan pengurusan serta merangsang perniagaan setempat seperti F&B, peruncitan dan perkhidmatan sokongan.

Ujar beliau, di samping itu, ia dijangka dapat memposisikan Kedah sebagai hab **'Ekonomi Perak'** di Malaysia yang mampu untuk menarik pelaburan dan minat pelabur antarabangsa khususnya dalam sektor pelancongan persaraan.

"Kita menjangkakan Aman Seterra Sanctuary ini dapat meningkatkan potensi pelancongan perubatan dengan menarik minat pesara daripada negara seperti Jepun, Australia, Singapura, United Kingdom dan juga Eropah.

"Perkembangan ini mampu untuk meletakkan Malaysia sebagai Hab Persaraan di rantau ini sekaligus menjadi pencetus bagi memanfaatkan potensi Ekonomi Perak yang bernilai trilion dolar Amerika Syarikat," jelasnya.

Untuk rekod, pada 24 April 2025 Raja Shahreen akan menyampaikan ucapan dalam sesi bicara di Pavilion Malaysia bersempena dengan Ekspo Dunia 2025 Osaka, Kansai, Jepun yang dijadualkan berlansung selama enam bulan bermula 13 April hingga 13 Oktober 2025.

Pada sesi bicara tersebut, Raja Shahreen akan mengupas topik mengenai *'Aman Seterra – Investing and Developing Malaysia's First Retirement & Affordable aged care village in Langkawi, Malaysia'*.

## LATAR BELAKANG BINA DARULAMAN BERHAD

Bina Darulaman Berhad (BDB) telah ditubuhkan pada 7 Februari 1995 dan telah disenaraikan di Bursa Malaysia. BDB merupakan sebuah syarikat pegangan pelaburan yang bertanggungjawab dalam pembangunan hartanah, pembinaan, kerja-kerja jalan, kuari, rekreasi dan tenaga boleh diperbaharui melalui anak-anak syarikatnya iaitu BDB Land Sdn. Bhd., Kedah Holdings Sdn. Bhd., BDB Synergy Sdn. Bhd., BDB Infra Sdn. Bhd., BDB Leisure Sdn. Bhd. dan BDB Energy Sdn. Bhd.

Untuk maklumat lanjut, boleh menghubungi:


I. Fadzli Ramlan

Tel: +6017 2088609

Emel: fadzli.ramlan@bdb.com.my

Group Corporate Communications

II. Ikhwan Hazwan Hamidun

Tel: +6019 5517225

Emel: ikhwan@bdb.com.my

Group Corporate Communications